

'Telekung dok bau doh'

**Usaha murni
Geng Sarong
Mayang selesai
masalah
telekung kotor**

NURUL HUDA HUSAIN

GONG BADAQ

Masalah telekung dan sejadah berbau tidak lagi menjadi isu di surau-surau di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) apabila tugas membersihkan kemudahan untuk orang ramai itu kini diambil oleh Geng Sarong Mayang. Usaha murni yang dilakukan sekumpulan 23 penuntut Ijazah Sarjana Muda (Antropologi dan Dakwah) itu bertujuan menyelesaikan

masalah membabitkan kebersihan telekung di samping memberi kesedaran kepada masyarakat agar sentiasa mementingkan kebersihan.

Menggunakan tanda pagar 'dok bau doh', Geng Sarong Mayang itu turut menerima tajaan sebanyak 100 pasang telekung untuk diletakkan di surau-surau di universiti berkenaan.

Pengarah Projek, Izzat Imran Wahid berkata, kesemua 100 telekung yang diterima itu turut dijahit dengan label 'Sarong Mayang' bagi memudahkan sukarelawan menukar setiap telekung yang berbau atau kotor.

"Kita sedia maklum bahawa masalah kain telekung berbau dan kotor sering dihadapi golongan wanita apabila ingin menggunakan kemudahan yang disediakan di surau-surau atau masjid itu.



Telekung yang digantung rapi untuk kegunaan jemaah di surau di UniSZA.

kembali telekung bersih di setiap surau di dalam UniSZA.

Sementara itu, seorang sukarelawan, Muhammad Wan Faizal Che Juhari berkata, langkah memperkenalkan program sedemikian bertepatan memandangkan masalah telekung solat berbau dan kotor sering dihadapi ramai pihak.

"Alhamdulillah, penyarah dan kakitangan UniSZA turut menyokong usaha yang dilakukan ini bagi membantu memberi pengetahuan dan kesedaran kepada masyarakat tentang kebersihan sebelum solat dan budaya wakaf.

"Pihak kami juga mengalu-alukan mana-mana pihak yang mahu memberi sumbangan dalam bentuk atau kewangan dalam memastikan projek ini dapat diteruskan," katanya.

terlibat dengan kegiatan amal, kumpulan itu turut menyediakan bakul di dalam surau pada setiap hujung minggu untuk mana-mana pihak turut serta menyumbang tenaga bagi membasuh dan meletakkan

agar lebih peka dengan keadaan pakaian solat sebelum beribadah selain menerangkan sikap bertanggungjawab dalam menjaga barang wakaf yang diberikan," katanya. Jelasnya, bagi menggalakkan orang ramai turut

"Malah, ada juga telekung solat yang digunakan meninggalkan kesan solekan dan bintik hitam kerana basah serta tidak digantung.

"Jadi, kami mengambil inisiatif ini untuk mengajar dan mendidik masyarakat